

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [LAHAD DATU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isi kandungan perjanjian di antara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dengan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1979 bagi membangunkan tanah di Pantai Timur Sabah dan adakah semua perkara di dalam perjanjian telah dipatuhi.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkara-perkara utama yang terkandung dalam perjanjian antara FELDA dengan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1979 bagi membangunkan tanah di Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut:
 - (i) pemberian tanah seluas 151,292.74 ekar dan tanggungjawab FELDA membayar premium bagi setiap hak milikan yang diperolehi;
 - (ii) tanggungjawab FELDA untuk membersihkan dan menjalankan proses penanaman bagi kerja-kerja perladangan sama seperti yang dijalankan di kawasan-kawasan FELDA di Semenanjung Malaysia;
 - (iii) hak untuk FELDA membahagikan kawasan-kawasan tanah kepada bahagian penanaman (*agricultural area*), bahagian penempatan (*residential area*), bahagian perkilangan, pentadbiran dan komersil (*residential site*) dan kawasan-kawasan lain yang FELDA berpendapat sesuai bagi melaksanakan tujuan penubuhan FELDA;
 - (iv) tanggungjawab FELDA untuk mengenal pasti rakyat-rakyat tempatan yang layak untuk diterima sebagai peneroka FELDA untuk ditempatkan di kawasan-kawasan yang akan ditentukan. Proses pemilihan untuk menjadi peneroka FELDA ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan FELDA yang ditubuhkan bersama oleh FELDA dan Kerajaan Negeri Sabah;
 - (v) tanggungjawab FELDA untuk mengadakan perjanjian bersama peneroka-peneroka yang terpilih bagi mengikat tanggungjawab bagi kedua-dua belah pihak; dan

- (vi) tanggungjawab FELDA untuk membayar gaji kepada peneroka berdasarkan kadar yang ditetapkan semasa peringkat awal proses pendudukan. FELDA juga boleh memberi dividen yang difikirkan bersesuaian kepada peneroka mengikut ketetapan pihak FELDA sendiri.
2. Program pembangunan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA di negeri Sabah telah memberi pelbagai manfaat antaranya seperti berikut:
 - (i) peningkatan taraf sosio-ekonomi dan kualiti hidup di kalangan 1,647 orang peneroka melalui sumber pendapatan yang terjamin dan kemudahan-kemudahan yang disediakan di tanah rancangan;
 - (ii) pendapatan kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan cukai tanah dan bayaran premium bagi kawasan tanah yang dibuka oleh FELDA;
 - (iii) peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan melalui aktiviti-aktiviti perkilangan, pengangkutan, pembinaan, pemasaran;
 - (iv) penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan pedalaman (kawasan FELDA) yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi; dan
 - (v) membantu menangani masalah keselamatan khususnya dari segi ancaman lanun di kawasan FELDA Sahabat.
3. Kesemua manfaat ini merupakan hasil daripada pematuhan kepada perjanjian antara FELDA dengan Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1979.

NO SOALAN : 22

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penlong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa
Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 013-346 6939